

23 JAN 2003

PAMAJA-China

PAMAJA HASRAT KEMBANGKAN KEGIATAN PERSAHABATAN DENGAN CHINA

KANGAR, 23 Jan (Bernama) -- Persatuan Alumni Program Persahabatan Asean-Jepun Malaysia (PAMAJA) berhasrat mengembangkan program persahabatannya dengan China selepas kejayaan persatuan itu menjalin hubungan dengan Jepun, kata Presidennya Abdul Rahman Abdul Razak.

Menurutnya, sebanyak 60 orang pemimpin belia akan dipilih menyertai program itu yang tumpuannya ialah kepada penghayatan tamadun China terutama mengenai semangat kerjasama mereka.

"PAMAJA melihat China sebagai negara yang berpotensi untuk program persahabatan itu," katanya kepada para pemberita selepas majlis penyerahan anak angkat belia-belia Jepun kepada penduduk Tambun Tulang dan Beseri, di hotel Putra Palace malam tadi.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Perlis, Datuk Ishak Arshad yang mewakili Menteri Besar Perlis merasmikan majlis penyerahan anak-anak angkat itu.

Mengenai program PAMAJA yang diwujudkan pada 1986, Abdul Rahman berkata, persatuan itu mendapat sambutan menggalakkan daripada belia di negara ini dengan 2,695 orang telah melawat Jepun di bawah program persahabatan itu.

Anggota PAMAJA sehingga kini ialah 2,094 orang meskipun jumlah yang mengambil bahagian dalam lawatan persahabatan itu lebih besar, katanya.

Katanya, PAMAJA diwujudkan sejajar dengan pelaksanaan dasar "Pandang Ke Timur" yang gagasannya dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Rahman berkata, sebanyak 150 orang belia Malaysia dijangka melawat Jepun tahun ini di bawah program PAMAJA.

Sebanyak 12 belia Jepun dari Iwate kini sedang berada selama lima hari di Perlis di bawah program persahabatan itu.

Mereka yang tiba di sini semalam turut menghadap Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di Istana Arau.

-- BERNAMA

AD HM